



Berjaya pikat kanak-kanak

Cik Alimah juga menjelaskan, semasa cuti penggal ketiga ini pustaka menyediakan lebih banyak pertandingan dan acara menarik bagi menawan hati para pengunjung. Ia mula dilancarkan sejak 16 Disember lalu.

Pada 17hb. Disember pula satu perayaan sederhana menyambut ulangtahun genap lima tahun pustaka tersebut diadakan dan disambut meriah oleh sebilangan besar kanak-kanak.

Di samping menyediakan perkhidmatan membaca dan pinjaman, pihak pustaka juga mengendalikan khidmat pustaka bergerak di beberapa kawasan. Antara kawasan tersebut ialah di kawasan Rumah Pangsa Sri Pahang, Bukit Bangsar; Rumah Pangsa Kerinci, Jalan Pantai; Rumah Pangsa Sri Selangor, Jalan San Peng; Rumah Pangsa Batu 31/2,

Jalan Ceras; di sekolah-sekolah dan beberapa buah kawasan setinggan.

Menurutnya lagi, tempat persinggahan di kawasan-kawasan rumah pangsa dan sekolah-sekolah menerima sambutan paling ramai disebabkan para ahlinya bertumpu di suatu kawasan dan mudah mereka mendapatkan perkhidmatan tersebut.

Berbagai jenis buku kanak-kanak disediakan untuk para pembaca. Antaranya ialah jenis buku bukan cerita seperti sains gunaan, ilmu alam, sejarah am dan fahaman; buku-buku dalam bentuk cerita dan buku-buku cerita bergambar.

Kanak-kanak ini juga berpeluang mendapatkan panduan melukis, berlakon dan kraftangan.

Memandangkan sambutan begitu menggalakkan, pihak pustaka ber-cadang mengadakan beberapa ran-

Oleh: Wan Dayang

SEJAK ditubuhkan kira-kira lima tahun lalu, Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak yang terletak di Jalan Pekeliling, Kuala Lumpur telah berjaya memikat hati kanak-kanak di sekitar Ibu Kota.

Perpustakaan yang dikelolakan oleh Dewan Bandaraya itu menyediakan berbagai acara menarik seperti rancangan bercerita, melukis, tayangan gambar kartun, permainan catur, kuiz dan lain-lain mengikut jadual yang ditetapkan.

Acara-acara itu diatur begitu rupa adalah semata-mata untuk menarik lebih ramai kanak-kanak mengunjungi perpustakaan tersebut, demikian diberitahu oleh ketuanya, Cik Alimah Salam.

Selain itu, tambahnya, kita akan dapat memupuk semangat rajin membaca di kalangan kanak-kanak. Ini amat bersesuaian dengan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) yang akan dilaksanakan sepenuhnya tahun hadapan.

Setakat ini, seramai 600 kanak-kanak menjadi ahli dan setiap hari lebih kurang 200 dari mereka akan mengunjunginya.

Menurutnya lagi, peringkat umur yang menjadi ahli pustaka ini ialah di antara empat hingga sepuluh tahun. Pelajar menengah rendah sering juga mengunjunginya.



cangan baru untuk para pengunjung pustaka tersebut. Di antaranya ialah menubuhkan Kelab Kebudayaan Kanak-Kanak yang berasaskan kebudayaan nasional dan menambahkan penggunaan alat-alat perakam untuk acara bercerita, lakonan dan nyanyian.

Sebuah cawangan juga telah dibuka kira-kira setahun lalu di Taman Tun Dr. Ismail Kuala Lumpur.

Cik Alimah menyeru para ibu bapa dan pelajar-pelajar, khususnya di Wilayah Persekutuan supaya turut sama menjayakan berbagai rancangan yang diatur itu. Cik Alimah seterusnya mengucapkan terima kasih kepada beberapa buah kedutaan yang turut menyumbangkan buku-buku untuk perpustakaan ini.

- A). Cik Alimah Salam, Ketua Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak, Jalan Pekeliling.
- B). Beberapa orang kanak-kanak kelihatan asyik membaca dan memilih buku di ruang bacaan.
- C). Sekumpulan kanak-kanak yang menyertai peradun melukis, kelihatan sedang tekun dengan kerja mereka.